

Panel Penasihat Pertanian akan mantapkan sektor tani di Sabah, kata Rahim

KOTA KINABALU: Menteri Pertanian dan Industri Makanan, **Datuk Abdul Rahim Ismail** yakin bahawa penubuhan Panel Penasihat Pembangunan Industri Pertanian akan dapat memantapkan lagi sektor pertanian terutamanya di negeri ini.

Beliau berkata sektor pertanian merupakan antara fokus utama yang diberi tumpuan oleh kerajaan dalam membantu kepada penyumbang ekonomi negeri ini.

Katanya, dengan adanya panel berkenaan yang akan dianggotai oleh kumpulan pakar yang masih dalam sektor pertanian ia akan dapat membantu meningkatkan daya saing dalam menjana ekonomi yang berasaskan sektor pertanian.

"Kita di Sabah mahu kumpulan pakar seperti ini dapat membantu dalam usaha kita meneroka sektor pertanian seperti memperkenalkan jenis padi yang bermutu tinggi selain daripada padi yang sudah kita perkenalkan sebelum ini, serta buah-buah tropika melalui pendekatan yang saintifik yang pada hari ini digunakan secara meluas," katanya.

Kelmarin, Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, kerajaan akan menubuhkan Panel Penasihat Pembangunan Industri Pertanian yang akan bertanggungjawab memberi nasihat dan pandangan bagi memastikan

sektor pertanian dapat menjadi sumber ekonomi utama negara.

Muhyiddin berkata, panel berkenaan akan dianggotai oleh 20 orang wakil daripada sektor awam dan swasta serta agensi yang berasaskan pertanian seperti pertubuhan peladang, pakar-pakar dalam bidang perladangan, ternakan, tanaman dan sebagainya di samping pakar-pakar daripada luar negara.

Abdul Rahim berkata, beliau percaya dengan adanya kumpulan pakar itu ia akan dapat mengujudkan rangkaian kerja yang cukup baik dalam memajukan sektor pertanian di negara ini.

"Di negeri ini, saya sudah wujudkan rangkaian kerja ini sejak setahun lalu dengan mewujudkan 13 rangkaian kerja di Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang dianggotai oleh pakar-pakar daripada Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan IPTS serta mereka yang pernah berkhidmat di kementerian dan jabatan itu untuk sama-sama berbincang mengenai masa depan sektor pertanian di Sabah.

Sebagai contoh katanya, dalam sektor akuakultur dan rumpai laut, pihak kementerian itu mendapat nasihat kepakaran daripada Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan gabungan daripada saintis daripada Jepun dan Korea dalam bidang Penyelidikan dan Pembangunan (R&D).

Katanya, gabungan pakar-pakar daripada UMS dan saintis daripada Jepun dan Korea itu dapat membantu kerana mereka boleh menerokai bidang rumpai laut, terutamanya bagi pemprosesan, hiliran dan nilai tambah rumpai laut dan juga peneroakan penangkapan ikan laut dalam.

"Semua ini kita sudah susun dalam jangka dalam masa terdekat ini akan dilancarkan beberapa projek yang berasaskan pertanian, ternakan dan makanan seperti pusat pemprosesan daging yang akan siap tidak lama lagi," katanya.

Abdul Rahim berkata, pakar-pakar di negara ini cukup ramai seperti yang diperakukan sendiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, cuma apa yang kita perlukan ialah untuk mengumpul mereka.

Menurutnya, Sabah mempunyai potensi yang berasaskan pertanian yang cukup luas dan tidak terhad sama ada tanaman padi, buah-buahan tropika, ternakan haiwan bersepadu dan akuakultur kerana kawasan yang cukup luas untuk diterokai

Katanya, hasrat kerajaan negeri bukan sahaja untuk membuka kawasan baru tetapi lebih kepada memberi teras kepada pembukaan kawasan tanah terbiar yang sesuai untuk diusahakan tanam padi ternakan kambing, lembu, ayam di kawasan-kawasan yang sesuai. -Oleh Kamaruddin Liusin